

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2021, VOL 4, Bil 2, Halaman 75-83

**MOTIVASI INTRINSIK: ISU DAN CABARAN DALAM MENGEKALKAN
HAFAZAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR USIM.**

***Intrinsic Motivation: Issues And Challenges In Preserving Quranic
Memorisation Among Usim Students.***

Hayati Hussin¹, Abdul Rahim Ahmad² & Muhammad Hafiz Saleh¹

¹ Pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

² Felo Institut Kajian Asia Barat, Universiti Kebangsaan Malaysia.

* Corresponding Author: Hayati Binti Hussin, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia 71800 Nilai, Negeri Sembilan, hayati.hussin@usim.edu.my, 011-3755 4137, ORCID iD.

ABSTRACT

Tahfiz education is expanding significantly in tandem with the expansion of Malaysia's education system today. Recently, the community has expressed a strong interest in tahfiz education as a possible option for their children. In the excitement of pursuing the title of al-Hafiz and al-Hafizah, there is irritation when memorising that supposes to be preserved and taken care of vanishes from memory. According to the research findings through the student interviews in the field of Tahfiz and Qiraat conducted at public universities such as Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, and private universities such as Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, more than 70% of the candidates who hold the title of al-hafiz and al-hafizah have forgotten the verses that they have memorised. This dissatisfaction is exacerbated when tahfiz institutions emphasise that students can complete the memorization syllabus within the given time frame without focusing on repetition of memory. This problem will persist as long as there is no grassroots initiative to address it. Thus, the purpose of this study is to investigate intrinsic motivation: issues and challenges in maintaining al-Quran memorization among students enrolled in the Bachelor of Qiraat programme at USIM (SMQ USIM). This is a case study that is using qualitative approach. The case study was chosen because it allows for a more in-depth examination of a more specific case or topic related to intrinsic motivation: concerns and issues in maintaining Quran memory among USIM students. The sampling technique was used to select study participants to answer the study's questions, and 21 students participated as study participants. According to the study's findings, intrinsic motivation among Qiraat students from USIM can be divided into two themes based on the research questions. First, the intrinsic motivation of tahfiz students to repeat the Qur'an is separated into four major themes: sincerity, willingness, longing, and admiration. The two intrinsic motivations involved in the process of memorising repetition are further split into three major themes: repetition rate, discipline, and guidance. This study has significant implications, particularly for USIM and Tahfiz institutions in Malaysia, in emphasising the aspect of repetition (muraja'ah) since the stage of memorising the Quran so that all students and those with the titles of al-hafiz and al-hafizah can maintain the Quranic memorisation until the end of their lives.

Keywords

Intrinsic motivation, issues and challenges, tahfiz education, Bachelor of Qiraat Studies USIM



ABSTRAK

Seiring dengan perkembangan sistem pendidikan di Malaysia pada masa kini, pendidikan tahfiz juga turut berkembang dengan pesatnya. Mutakhir ini masyarakat menunjukkan minat yang tinggi dengan memilih aliran tahfiz sebagai pilihan pendidikan anak-anak. Dalam kegairahan mengejar gelaran al-hafiz dan al-hafizah ini terdapat kekecewaan terpancar apabila hafazan yang sepatutnya dipelihara dan dijaga hilang daripada ingatan begitu sahaja. Berdasarkan hasil temuduga pelajar dalam bidang Tahfiz dan Qiraat ke Universiti awam seperti Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, dan Universiti Swasta seperti Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Dapatan menunjukkan lebih 70% daripada calon yang telah bergelar al-hafiz dan al-hafizah lupa hafazan yang telah mereka hafaz. Kegusaran ini ditambah lagi apabila terdapat sekolah-sekolah aliran tahfiz yang menitikberatkan agar pelajar dapat menghabiskan silibus hafazan dalam tempoh yang telah ditetapkan tanpa menitikberatkan kepada ulangan hafazan. Isu ini akan terus berlanjutan apabila tiada inisiatif untuk menyelesaikan isu ini dari akar umbinya. Justeru artikel ini bertujuan untuk menerokai motivasi intrinsik: isu dan cabaran dalam mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan mahasiswa bagi program Sarjana Muda Qiraat di USIM (SMQ USIM). Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk kajian kes. Kajian kes dipilih kerana ia dapat meneroka secara terperinci kes atau isu yang lebih khusus iaitu motivasi intrinsik: isu dan cabaran dalam mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar usim. Teknik persampelan bertujuan digunakan untuk memilih peserta kajian bagi menjawab persoalan kajian ini. Seramai 21 orang mahasiswa yang terlibat sebagai peserta kajian. Hasil kajian mendapati motivasi intrinsik dalam kalangan pelajar qiraat USIM dibahagikan kepada dua tema berdasarkan kepada persoalan kajian. Pertama motivasi intrinsik pelajar tahfiz di dalam mengulang al-Quran dibahagikan kepada empat tema utama iaitu keikhlasan, kerelaan, kerinduan dan penghayatan. Kedua motivasi intrinsik yang melibatkan proses ulangan hafazan pula dibahagikan juga kepada tiga tema utama iaitu kadar ulangan, disiplin dan bimbingan. Kajian ini memberi implikasi yang sangat penting kepada pihak USIM secara khususnya dan Intitusi pengajian Tahfiz di Malaysia secara umumnya agar memberi penekanan dalam aspek ulangan bermula daripada peringkat mula menghafal al-Quran sehingga semua pelajar serta mereka yang telah bergelar al-hafiz dan al-hafizah dapat menjaga hafazan al-Quran sehingga ke akhir hayat.

Kata kunci:

Motivasi, Intrinsik, isu dan cabaran, hafazan, Sarjana Muda Qiraat USIM (SMQ USIM)

1.0 PENGENALAN

Pendidikan tahfiz al-Quran merupakan pendidikan pertama yang diperkenalkan di dalam pendidikan Islam (al-Beely, 1990). Ia bermula sejak penurunan wahyu yang pertama kepada Rasulullah di Gua Hira' (al-Dakhil, 2008). Sejak peristiwa itu, proses hafazan al-Quran antara Rasulullah dengan malaikat Jibril berterusan secara berperingkat selama 23 tahun (al-Dailami, 2006). Rentetan daripada peristiwa itu, setiap kali malaikat Jibril menyampaikan wahyu kepada Rasulullah, baginda akan segera menghafalnya dengan mengerak-gerakkan bibirnya dengan laju agar wahyu tersebut melekat di dalam hati baginda dan tidak terlupa sebarang kalimah atau huruf (al-Zurqani, 1999; al-Dakhil, 2008). Setelah menerima wahyu daripada malaikat Jibril, baginda pula bertindak sebagai guru dengan mengajarkan wahyu tersebut kepada mereka yang berada di sekeliling baginda dan ahli keluarganya yang terdekat. Di antara individu terawal yang menjadi pelajar baginda adalah isteri baginda sendiri iaitu Khadijah dan sepupu baginda iaitu Ali bin Abi Talib (Muhammad Hafiz Saleh, 2018).

Manusia dicipta sebagai makhluk yang terdedah kepada sifat lupa (forgetfulness) Secara umumnya, proses menghafaz dan mengingat ayat al-Quran adalah suatu proses yang menuntut hafiz untuk komited sepenuh fokus dalam menghafaz. Namun hakikatnya, tanggungjawab hafiz al-Quran untuk memelihara hafazan yang ada dalam memori ingatan daripada terlupa adalah jauh lebih sukar (Gade, 2004; Diallo, 2011). Selari dengan kenyataan tersebut, terdapat hadith yang menggalakkan hafiz al-Quran agar kerap mengulang hafazan dan komited agar dapat memelihara ingatan ayat al-Quran. Di samping galakan kepada hafiz al-Quran, terdapat juga hadith yang memberi amaran agar tidak melupakan ayat yang telah dihafaz (Muhammad Saleem, 2012). Meskipun hafiz al-Quran telah melepasi cabaran menghafaz, mengekalkan hafazan, dan pelbagai fasa ujian yang ditetapkan oleh pihak institusi tahfiz, namun tahap ingatan terhadap al-Quran masih lemah (Zulkifli, 2013; Sedek, 2012), (Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arieff Salleh Rosman, 2015).



Al-Nawawi (1996) telah menukilkan di dalam karya beliau: “Perintah memelihara al-Quran dan peringatan agar tidak melupakannya.” Seorang hafiz al-Quran berperanan untuk sedar bahawa menghafaz al-Quran dan memelihara hafazan adalah dua perkara berbeza yang perlu dilakukan. Seseorang yang bergelar hafiz al-Quran telah berjaya dalam menghafaz al-Quran, namun memelihara serta mengekalkan hafazan yang telah dihafaz merupakan tindakan susulan yang perlu dilakukan. Di sini pertarungan serta mujahadah hafiz al-Quran dengan nafsu teruji. Seorang hafiz al-Quran bertanggungjawab memikul tugas memelihara dan mengekalkan hafazan al-Quran yang mana bukan berlaku untuk satu hari, satu minggu, mahupun satu tahun. Bahkan ia merupakan suatu proses yang berlaku selagi dia hidup. Bagi mengekalkan momentum seorang hafiz al-Quran berada di laluan ini, kuncinya ialah kesabaran yang tinggi serta kecintaan luar biasa terhadap al-Quran (Muhammad Saleem, 2012), (Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arieff Salleh Rosman, 2015). Justeru, dapat disimpulkan bahawa hafazan al-Quran memerlukan pendekatan-pendekatan tertentu bagi menjamin kualiti dan pengekalan yang berpanjangan.

Menurut Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad & Nor Kamariah Kamaruddin, motivasi memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan. Ia berkait rapat dengan tingkah laku, sikap dan norma seseorang individu. Terdapat banyak pandangan melalui kajian lepas terhadap definisi motivasi. Motivasi adalah tingkah laku individu dalam melaksanakan keinginan dan tujuan mereka sendiri. Berdasarkan pernyataan tersebut, motivasi dianggap sebagai cara-cara seseorang individu dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan tugas. Setiap individu mempunyai cara tersendiri dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Cara dan tingkah laku dalam melakukan sesuatu pekerjaan sering dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti faktor motivasi dan seterusnya mempengaruhi hasil daripada pekerjaan tersebut. Menurut Slameto (2013), motivasi merupakan proses yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu. Motivasi dilihat sebagai satu tertib atau langkah-langkah yang teratur untuk mempengaruhi seseorang individu dalam menjalankan tugas. Othman dan Ismail (2012) menjelaskan motivasi sebagai satu elemen yang penting dalam menghasilkan pembelajaran yang sempurna. Selain itu, dalam kajian lain pula motivasi adalah proses dalaman, personal, proses sukarela dan tidak memaksa, serta mengarahkan keupayaan intelektual dan mental (Seebaluck & Seegum, 2013).

Motivasi sebahagian besarnya boleh dibahagikan kepada tiga komponen iaitu, motivasi intrinsik, ekstrinsik, dan amotivasi. Motivasi intrinsik dapat dilihat apabila seseorang individu melakukan aktiviti untuk kepuasan diri sendiri (Brown, 2007). Manakala dalam konteks pembelajaran, motivasi intrinsik sering dikaitkan dengan tujuan daripada diri pelajar itu sendiri dan minat yang tersendiri terhadap sesuatu subjek atau aktiviti tersebut. Apabila seseorang menikmati pekerjaan atau aktiviti, melihatnya sebagai peluang untuk belajar dan mengambil bahagian tanpa ganjaran luar, dapat diandaikan bahawa individu tersebut termotivasi secara intrinsik (Coon & Mitterer, 2010). Walaubagaimanapun, hasil ini bergantung kepada individu itu sendiri. Motivasi memainkan peranan yang sangat penting dalam setiap pencapaian termasuklah pencapaian akademik dalam kalangan pelajar. Justeru dapat disimpulkan bahawa motivasi intrinsik sangat mempengaruhi pelajar dalam menangani isu dan cabaran dalam mengekalkan hafazan al-Quran.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Al-Quran al-Karim merupakan mukjizat teragung yang dianugerahkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan umatnya. Justeru salah satu legasi penjagaan al-Quran yang diwariskan oleh Nabi Muhammad s.a.w iaitu dengan cara menghafaz keseluruhan ayat-ayatnya. Pendekatan pengajaran al-Quran dilakukan pada masa baginda secara hafazan yang telah diaplikasikan oleh Malaikat Jibrail di dalam mengajar al-Quran kepada Nabi Muhammad s.a.w. Justeru pendidikan tahfiz al-Quran merupakan pendidikan yang terawal di dalam sejarah pendidikan Islam. Hafazan pula menjadi kaedah yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w dalam mengajar al-Quran kepada para sahabat. (Al-Habash, 1987). Allah s.w.t telah mempermudah kepada manusia untuk menghafaz al-Quran (al-Qamar 54:17). Menghafaz al-Quran merupakan satu usaha untuk mencegah terputusnya jumlah kemutawiratan al-Quran serta mengelak daripada sebarang usaha untuk menyelewengkan dan memalsukan al-Quran (Al-Suyuti, 1987). Allah s.w.t telah memuji dan menyanjung tinggi kepada orang yang menghafaz al-Quran dengan memberi penghormatan dan gelaran yang mulia seperti pilihan Allah sepertimana yang telah dijelaskan di dalam surah *Fatir* (Fathir 35:32). Allah s.w.t juga menegaskan keaslian al-Quran tetap terjaga seperti yang telah dirakam dalam surah al-Hijr (al-Hijr 15: 9). Mutakhir ini masyarakat menunjukkan minat yang amat tinggi dengan memilih aliran tahfiz sebagai pilihan pendidikan anak-anak. Namun, timbul persoalan sejauh manakah hafazan seseorang al-hafiz atau al-hafizah dapat dikekalkan?



Terdapat ramai pelajar di Malaysia yang telah bergelar al-hafiz dan al-hafizah didapati tidak dapat mengekalkan hafazan mereka. Berdasarkan penelitian menunjukkan para pelajar yang menghadiri temuduga bagi melanjutkan pengajian dalam bidang tahfiz dan qiraat di Universiti Awam di antaranya Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Sultan Zainal Abidin dan Universiti Swasta seperti Kolej Universiti Islam Melaka dan Kolej Islam Antarabangsa Selangor tidak dapat mengingat dengan baik akan hafazan mereka walaupun semua pelajar tersebut telah berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran (Abd Rahman Abd.Ghani,; Rohana Zakaria; Faizul Amri Saad & Aslam Farah Selamat. 2020).

Hasil daripada temubual tidak berstruktur yang telah dijalankan dengan beberapa orang pensyarah dan guru yang terlibat dengan aliran tahfiz (Abdul Rahman Abd.Ghani,; Rohana Zakaria; Faizul Amri Saad & Aslam Farah Selamat. 2020). Di antara permasalahan lain yang timbul adalah silibus yang dimasukkan dalam kurikulum tahfiz adalah menghafaz. Adapun mengulang tidak dimasukkan di dalam silibus pembelajaran kerana kekangan masa serta dilihat menjadi bebanan kepada pelajar. Ulangan hafazan dijalankan secara tidak formal serta mengikut kelapangan tenaga pengajar dan murid. Pelajar lebih ditekankan supaya dapat mencapai silibus hafazan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah ataupun di Universiti.

Faktor pengurusan masa amat mempengaruhi pelajar aliran tahfiz. Kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Hafiz (2005) menyatakan kegagalan dalam mengurus masa dalam pembelajaran akan mendatangkan kesan yang negatif kepada seorang penghafaz al-Quran. Penghafaz al-Quran yang tidak mampu untuk mengurus masa secara berdisiplin akan merasa kesuntukan masa untuk menghafaz di samping melakukan kerja-kerja yang lain. Oleh yang demikian seorang penghafaz al-Quran perlulah bijak mendisiplinkan diri dan mencari masa untuk menghafaz dan mengulang.

Oleh yang demikian kajian ini dijalankan bagi mengetahui sejauh manakah motivasi intrinsik seseorang yang telah menghafaz al-Quran memberi kesan yang besar di dalam menangani isu dan cabaran ini. Kajian ini hanya menfokuskan kepada pelajar (SMQ USIM) Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Islam Sains Malaysia.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kes. Pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kes dipilih kerana ia dapat menghuraikan satu kes atau fenomena tertentu iaitu aspek ulangan hafazan pelajar yang mengikuti (SMQ) di USIM. Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan iaitu sampel yang dipilih dapat memberikan banyak maklumat serta dapat membantu menjawab persoalan kajian (Patton, 1987). Sampel yang dipilih terdiri daripada pelajar (SMQ) USIM. Seramai 21 orang pelajar aliran qiraat terlibat sebagai peserta kajian yang dapat membantu memberikan maklumat yang banyak tentang kajian (Creswell, 2003).

Temu bual tidak berstruktur merupakan kaedah pengumpulan data yang digunakan bagi mendapatkan pengalaman dan pandangan peserta kajian. Temu bual berstruktur ini dijalankan secara individu kepada peserta kajian melalui edaran google form berikutan penularan wabak Covid-19 masih lagi tersebar. Masa yang diperlukan untuk menjawab soalan kajian yang diedarkan melalui google form antara 5 hingga 10 minit. Setiap sesi temu bual yang dijalankan akan dikodkan sebagai (TB) dan diikuti dengan kod pelajar tahfiz (PT).

Oleh itu, penulis akan menggunakan analisis secara tematik bagi mengenalpasti tema-tema dokumen yang terdapat dalam transkripsi temu bual (Lebar, 2009). Untuk mengenalpasti tema bagi isu dan cabaran dalam mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar (SMQ) USIM, pengkaji akan menentukan berdasarkan soalan temu bual yang dikemukakan kepada peserta. Seorang pakar kualitatif dalam bidang Tahfiz al-Quran juga telah dilantik untuk menjadi interater terhadap tema yang dibina.

4.0 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan temu bual separa berstruktur yang telah dijalankan, terdapat enam tema yang diperolehi berdasarkan persoalan kajian. Persoalan kajian pertama iaitu motivasi intrinsik pelajar qiraat USIM di dalam mengulang al-Quran. Terdapat empat tema iaitu keikhlasan, kerelaan, kerinduan dan penghayatan. Kesemua tema ini disebut secara jelas oleh peserta kajian ketika diminta untuk berkongsi perasaan mereka ketika mengulang hafazan al-Quran. Manakala untuk persoalan kajian yang kedua berkaitan motivasi intrinsik yang melibatkan proses ulangan hafazan. Aspek yang ditekankan oleh pelajar ketika proses mengulang al-Quran merangkumi tiga tema utama. Tema tersebut ialah aspek kadar ulangan, disiplin, dan aspek bimbingan. Ketig-



tiga tema ini dikongsi dan diperkatakan oleh pelajar kerana aspek ini merupakan isu dan cabaran utama bagi mereka ketika proses mengulang hafazan al-Quran. eHuraian lanjut setiap tema bagi setiap persoalan kajian dikupas dengan jelas dan terperinci sebagaimana berikut:

4.1 PERTAMA: MOTIVASI INTRINSIK PELAJAR TAHFIZ

Berdasarkan temu bual yang dijalankan terhadap 21 orang pelajar (SMQ) USIM, terdapat empat tema motivasi intrinsik di dalam mengulang hafazan al-Quran yang berteraskan kepada keikhlasan, kerelaan, kerinduan dan penghayatan.

4.1.1 Pertama: Keikhlasan

Berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap 21 orang pelajar kesemua peserta kajian menyatakan keikhlasan mereka di dalam mengulang hafazan al-Quran. Tema keikhlasan ini berdasarkan daripada respon pelajar terhadap temubual yang dijalankan. Kesemua pelajar menunjukkan keikhlasan mereka di dalam mengulang al-Quran. Sebagai contoh pelajar tahfiz 1(PT1) sehingga (PT21) mereka tidak menganggap mengulang al-Quran sebagai satu bebanan tetapi merupakan tanggungjawab sebagai seorang pelajar yang telah bergelar al-hafiz dan al-hafizah. Sebagai contoh (PT2) menyatakan, “Tidak, kerana ia salah satu bentuk tanggungjawab”. Ini disokong dengan (PT6) berpendapat, “Tidak, jika kita selalu melaziminya”. (PT10) pula mengatakan, “Tidak kerana bila saya dapat mengulang, saya rasa puas”. Perkara yang sama disuarakan oleh (PT12) “Tidak, mengulang walaupun sedikit contoh satu muka surat”. (PT14) pula berkata “ Tidak, jika sudah terbiasa, ianya seakan-akan rutin harian”. (PT16) pula menjelaskan, “Tidak, kerana mengulang bagi seorang Huffaz telah menjadi tanggungjawab”. Berlainan pula pandangan (PT18) beliau berkata, “Ya. Pada peringkat awal, proses mengulang Al-Quran menjadi sesuatu bebanan kerana untuk mengingati Al-Quran ini bukanlah suatu perkara yang mudah. Namun, apabila saya selalu mengulang Al-Quran, proses untuk mengingati itu menjadi lebih mudah”. Pandangan ini juga turut disokong oleh (PT19) menyatakan, “Agak sedikit bebanan bagi ayat yang samar samar”.

4.1.2 Kedua: Kerelaan

Semua pelajar tahfiz (SMQ) USIM menyatakan kerelaan hati mereka di dalam mengulang al-Quran. Tema kerelaan ini dilihat dari sudut respon pelajar terhadap soalan yang diajukan. Kesemua pelajar tahfiz PT1 hingga PT21 menunjukkan kerelaan mereka tanpa dipaksa untuk menghafaz al-Quran. Sebahagian besar pelajar menyatakan mereka tidak dipaksa untuk menghafaz al-Quran. Keseluruhan mereka merasakan bahawa amat bersalah, tidak tenang dan berdosa jika tidak mengulang al-Quran dalam tempoh seminggu. Sebagai contoh pelajar tahfiz 3(PT3). Beliau berkata, “ saya menghafal atas sebab diri sendiri” dan “ Ya, rasa bersalah”, sangat bersalah dan berdosa jika tidak mengulang al-Quran dalam masa seminggu. PT6 pula menyatakan “ Tidak, saya menghafal atas sebab diri sendiri” dan “Ya, kerana meninggalkan sesuatu yang wajib”. PT10 pula menegaskan dengan berkata “Tidak. saya yang nak menghafal” dan “Ya kerana saya takut al-Quran akan tinggalkan saya”. Ini disokong dengan PT12 mengatakan “Sangat rasa berdosa sebab itu merupakan amanah dari Allah hingga mati” dan “Tidak, atas kerelaan dan kesedaran sendiri. Niat asal kerana cemburu dengan sahabat yang hafaz Al-Quran pada usia 16 tahun masyaAllah”. Berlainan pula pandangan (PT20), beliau berkata: “Ya. Saya mula menghafaz Al-Quran semenjak berumur 10 tahun. Pada waktu itu, saya merasa terpaksa untuk menghafaz Al-Quran kerana ibu bapa saya suruh. Namun, lama kelamaan rasa keterpaksaan itu hilang dengan sendiri. Dan pada waktu itu juga, saya berniat dan berazam bersungguh-sungguh untuk menghafaz Al-Quran sehingga khatam” dan “Saya akan berasa bersalah jika tidak mengulang Al-Quran walaupun sehari. Hati saya akan merasa tidak tenang dan tenteram”.

4.1.3 Ketiga: Kerinduan

Semua pelajar tahfiz (SMQ) USIM menunjukkan tahap kerinduan yang tinggi terhadap al-Quran. Mereka juga suka bersahabat dengan al-Quran. Mereka juga berasa sangat rindu jika dalam sehari tidak membaca al-Quran. Pernyataan ini disokong dengan dapatan temubual melalui borang google form yang diisi oleh mereka. Tema kerinduan ini berdasarkan kepada kesemua pelajar iaitu PT1 hingga PT21 menyatakan perasaan rindu mereka terhadap al-Quran. Mereka juga memilih al-Quran sebagai sahabat setia. Sebagai contoh pelajar tahfiz 6(PT6) berkata: “Ya. Saya berasa bersalah jika meninggalkannya” dan “Ya. Al-Quran adalah sahabat sebenar”. PT10 pula menyatakan “Ya, dan terasa amat bersalah” dan “Ya, dengan al Quran



saya tidak berasa keseorangan”. Ini disokong dengan PT12 “Betul. Sangat rindu” dan “Ya. Kerana Al-Quran akan beri syafaat suatu hari nanti, Aamiin”. Perkara yang sama disuarakan oleh PT16, “Ya. sangat berasa rindu jika tidak membaca dalam masa sehari” dan “Saya sangat suka bersahabat dengan Al-Quran dan Saya juga suka mendengar bacaan imam seperti Sheikh Misyari”. PT18 pula menegaskan “Ya, jadi saya buat jadual supaya saya tidak alpa” dan “Ya, semua perkara yg saya lakukan saya akan selit kan berkaitan al-Quran”. Pada pandangan PT20 pula beliau berkata, “Ya. Saya akan berasa rindu jika tidak dapat membaca Al-Quran kerana dengan membaca al-Quran boleh menjadi penenang hati dan penguat semangat diri saya” dan “Ya. Saya suka membaca dan mengulang al-Quran”.

4.1.4 Keempat: Penghayatan

Tahap penghayatan dalam kalangan pelajar (SMQ) USIM sangat tinggi. Pernyataan ini berdasarkan daripada dapatan temubual melalui borang google form yang telah diedarkan. Mereka merasakan Al-Quran itu sebagai pedoman dalam kehidupan. Tema penghayatan ini berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh PT1 hingga PT21 mereka bersetuju bahawa kitab suci al-Quran merupakan panduan hidup. Sebagai contoh pelajar 6(PT6) berkata: “Tidak, al-Quran adalah pedoman hidup”. Pelajar 10(PT10) pula berkata: “Tidak, al-Quran adalah pedoman hidup”. Pelajar 12(PT12) pula menyatakan: “Tidak. Saya merasakan Al-Quran itu pedoman hidup saya.”. Pelajar 13(PT13) pula menegaskan: “Tidak. Al-Quran itu sendiri salah satu rujukan dalam kehidupan”. Kenyataan ini disokong oleh pelajar 17 beliau berkata: “Tidak. Al-Quran merupakan petunjuk bagi setiap Muslim”. Pelajar 18(PT18) pula menyatakan al-Quran memberi ketenangan dalam hidup. Beliau berkata: “Tidak, saya sangat merasakan Al-Quran sebagai panduan hidup, tanpa Al-Quran hidup saya tidak tenang”. Begitu juga pandangan daripada pelajar 20(PT20) berpandangan bahawa al-Quran itu sebagai penguat semangat. Beliau berkata: “Tidak Justeru, saya merasakan dengan membaca Al-Quran ini menjadi penguat semangat buat diri saya”.

4.2 KEDUA: MOTIVASI INTRINSIK YANG MELIBATKAN PROSES ULANGAN HAFAZAN

Berdasarkan temu bual yang dijalankan terhadap 21 orang pelajar (SMQ) USIM, terdapat tiga tema utama berkaitan motivasi intrinsik yang melibatkan proses ulangan hafazan. Aspek yang ditekankan oleh pelajar ketika proses mengulang al-Quran merangkumi kadar ulangan, disiplin dan bimbingan.

4.2.1 Pertama: Kadar ulangan

Ulangan hafazan al-Quran merupakan aspek yang paling penting perlu dititikberatkan oleh pelajar tahfiz. Didapati motivasi intrinsik pelajar qiraat USIM membuat ulangan hafazan berada pada tahap rendah. Kenyataan ini berdasarkan daripada dapatan temubual melalui borang google form yang telah diedarkan kepada pelajar qiraat USIM. Tema kadar ulangan ini dipilih berdasarkan kepada respon yang ditunjukkan oleh pelajar. Terdapat seramai 17 orang daripada 21 pelajar tahfiz mengulang hafazan mereka kurang dari 5 juzuk dalam tempoh seminggu. Kenyataan ini disokong berdasarkan pelajar tahfiz (PT1), beliau berkata: “Saya buat 2 juzuk seminggu sebab banyak lompong dan lubang”. Pelajar tahfiz(PT10) berkata: “3 juzuk. Kalau minggu peperiksaan mungkin 1-2 juz”. Pelajar tahfiz(PT12) pula menyatakan, : “Tidak. Saya mengulang Al-Quran sekadar membaca 5 juz dalam seminggu”. “Ya, kerana saya mengulang, paling kurang 1 muka satu masa. Saya cuba untuk cukupkan 1 juzuk dalam seminggu” merupakan jawapan daripada pelajar tahfiz (PT16). Begitu juga dengan pelajar tahfiz(PT18) beliau berkata: “Ya, disebabkan saya telah mempunyai jadual sendiri untuk mengulang, tidak terikat dengan 5 juzuk, terikat dengan kemampuan sendiri”.

4.2.2 Kedua: Disiplin

Disiplin merupakan di antara aspek yang paling penting dalam kalangan pelajar tahfiz. Pelajar yang berdisiplin dapat menambahkan lagi motivasi intrinsik untuk membuat ulangan hafazan al-Quran. Berdasarkan temubual temubual melalui borang google form yang telah diedarkan kepada (SMQ) USIM dapatan menunjukkan tahap disiplin dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana. Tema disiplin ini merujuk kepada jawapan yang diberikan oleh mereka melalui temubual. Seramai 13 orang pelajar tahfiz mempunyai waktu yang khusus untuk mengulang hafazan mereka. Walaubagaimanapun terdapat juga beberapa orang pelajar yang menunjukkan tahap disiplin yang rendah berikutan tiada jadual yang khusus untuk mereka membuat ulangan al-Quran. Kenyataan ini dibuat berdasarkan kepada pelajar tahfiz(PT4) Beliau berkata: “Tidak”. Pelajar tahfiz(PT5) pula



berkata: “Tidak. Cuma kebiasaan membaca al-Quran selepas subuh atau maghrib”. Pelajar tahfiz (PT8) pula menyatakan: “Salah (tidak)”. Pelajar tahfiz (PT10) pula mengatakan: “Tidak. Saya tiada waktu khusus”. Begitu juga dengan pelajar tahfiz (PT13). Beliau berkata: “Tiada. Selalunya pagi hafal hafazan yang lama tak sentuh. Malam akan ulang hafazan biasa”. Pelajar tahfiz (PT15) pula berkata: “Tak”. Kenyataan ini disokong lagi dengan pelajar tahfiz (PT16). Beliau pula berkata: “Tiada waktu khusus untuk mengulang, tetapi selalu antara Maghrib dan Isya”. Pelajar tahfiz (PT17) pula berkata: “Tak”.

4.2.3 Ketiga: Bimbingan.

Faktor bimbingan ibubapa dan guru amat penting bagi mendorong dan menyuburkan motivasi intrinsik dalam kalangan (SMQ) USIM terus bersemangat untuk mengulang hafazan al-Quran. Kenyataan ini berdasarkan daripada dapatan temubual melalui borang google form yang telah diedarkan kepada pelajar qiraat USIM. Tema kadar bimbingan ini diberikan berdasarkan kepada respon yang diberikan oleh pelajar menyatakan guru amat menitikberatkan ulangan hafazan al-Quran. Sebagai contoh pelajar tahfiz (PT2) beliau berkata: “Guru saya sangat menitikberatkan murajaah, tapi itulah kami sentiasa alpa dengan dunia yang lagho”. Kenyataan ini disokong lagi dengan pelajar tahfiz (PT3) pula berkata: “Tidak, guru saya sentiasa menasihati tentang al-Quran dalam murajaah dan beramal dengannya”. Pelajar tahfiz (PT6) memberi respon bahawa: “Tidak, guru sentiasa memberi semangat dan dorongan untuk mengulang”. Walaubagaimanapun terdapat pelajar tahfiz (PT12) pula berkata: “Menitikberatkan, cuma sekadar menasihati bukan atas dasar tindakan. Saya perlukan 'pusher' sedikit contoh seperti hantar suara ulangan Quran dengan kawan atau sebagainya”. Kenyataan ini disokong pula oleh pelajar tahfiz (PT5). Beliau berkata: “Semasa di sekolah, ya (terpaksa mengulang sendiri tanpa ada panduan dan sekolah hanya target pelajar yang khatam sahaja, mengulang terpulang pada guru, ada yang tekan ulangan ade yang tidak). Semasa zaman diploma guru selalu pesan supaya mengulang, dan terdapat jadual mengulang pada awal semester”. Kesemua pelajar tahfiz bersetuju bahawa ibubapa membantu dan memberi galakkan kepada mereka untuk mengulang al-Quran. Walaubagaimanapun terdapat seorang pelajar tahfiz (PT5) beliau berkata; “Dari segi mengulang, mereka tidak tahu bahawa ulangan juga penting jadi tidak pernah dipesan kerana bukan dari latar belakang yang menghafal al-Quran”.

5.0 PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Motivasi intrinsik dalam kalangan pelajar (SMQ) USIM berdasarkan dapatan kajian merangkumi motivasi intrinsik dalam mengulang hafazan al-Quran dan motivasi intrinsik yang melibatkan proses mengulang hafazan al-Quran. Motivasi intrinsik dalam mengulang hafazan al-Quran mempunyai empat tema utama iaitu keikhlasan, kerelaan, kerinduan dan penghayatan. Keikhlasan mereka ketika membuat ulangan hafazan terzahir apabila dapatan kajian mendapati kesemua pelajar iaitu 100% berkata mereka merasa sangat bersalah dan berdosa jika tidak mengulang al-Quran dalam masa seminggu. Mereka juga dengan rela mengulang al-Quran apabila hasil kajian menunjukkan 19 orang pelajar tahfiz berbanding 21 iaitu mewakili 90% orang pelajar yang ditemubual menyatakan kerelaan mereka untuk mengulang al-Quran. Semua pelajar tahfiz (SMQ) USIM menzahirkan bahawa mengulang al-Quran merupakan bukti kerinduan mereka terhadap kitab suci ini. Mereka juga menjadikan al-Quran itu sebagai pedoman hidup. Buktinya apabila dapatan kajian 100% menunjukkan pelajar tahfiz menjadikan kitab suci ini sebagai panduan dan rujukan dalam kehidupan.

Motivasi intrinsik yang melibatkan proses mengulang hafazan al-Quran pula mempunyai tiga tema utama iaitu kadar ulangan, disiplin dan bimbingan. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, dapatan kajian menunjukkan terdapat 17 berbanding 21 orang pelajar tahfiz yang mengulang al-Quran kurang daripada lima juzuk dalam masa seminggu iaitu mewakili 80% daripada jumlah keseluruhan pelajar. Perkara ini amat membimbangkan jika ianya terus berlaku. Jika dibahagikan dengan seminggu maka kadar ulangan hafazan pelajar kurang daripada satu juzuk setiap hari. Keadaan ini perlu diatasi kerana sebagai seorang pelajar yang telah bergelar al-hafiz atau al-hafizah mestilah mengulang al-Quran sekurang-kurangnya satu juzuk setiap satu hari (Muhammad Abdul Fatah, 2014)). Usaha ini perlu dilakukan bagi memastikan hafazan al-Quran mereka terus terjaga. Aspek disiplin ketika mengulang al-Quran perlu dititikberatkan oleh pelajar (SMQ) USIM. Perkara ini perlu dipandang serius bagi memastikan isu dan cabaran di dalam mengulang hafazan al-Quran dapat diatasi. Dapatan kajian menunjukkan hanya 13 orang berbanding 21 orang pelajar tahfiz mewakili 61% daripada jumlah keseluruhan mempunyai jadual dan waktu yang khusus untuk mengulang hafazan al-Quran. Adapun bimbingan daripada guru dan ibubapa merupakan di antara faktor utama bagi menyemai motivasi intrinsik mereka untuk mengulang hafazan al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan 19 orang berbanding 21 orang pelajar mewakili



90% daripada jumlah keseluruhan pelajar (SMQ) USIM mengatakan bahawa guru amat menitikberatkan ulangan hafazan al-Quran. Ibubapa perlu membantu dan memberi galakkan untuk membuat ulangan hafazan al-Quran. Kenyataan ini berdasarkan daripada dapatan kajian menunjukkan 20 orang berbanding 21 orang pelajar mewakili 95% daripada jumlah keseluruhan pelajar (SMQ) USIM menyatakan ibubapa perlu membantu dan memberi galakkan untuk mereka mengulang al-Quran.

Selain daripada itu pelajar (SMQ) USIM juga menyatakan di antara isu cabaran dan kekangan yang paling besar dalam proses mengulang al-Quran ialah sikap malas yang lahir dari dalam diri pelajar. Dapatan kajian menunjukkan lapan daripada 21 orang pelajar tahfiz mewakili 38% daripada jumlah keseluruhan pelajar. Manakala enam daripada 21 orang pelajar mewakili 28% daripada jumlah keseluruhan pelajar mengatakan isu dan cabaran utama untuk mengulang hafazan al-Quran ialah masa. Tidak ketinggalan juga dengan kecanggihan teknologi pada masa kini turut menyumbang permasalahan untuk mengulang hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar (SMQ) USIM. Hasil kajian mendapati terdapat seramai empat daripada 21 orang pelajar mewakili 19% daripada jumlah keseluruhan pelajar berpendapat bahawa isu dan cabaran utama dalam mengganggu motivasi intrinsik mereka untuk mengulang hafazan al-Quran adalah gadget. Selain daripada itu terdapat juga pelajar yang mengatakan bahawa cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar (SMQ) USIM ialah faktor diri sendiri, jadual harian yang padat dengan pelbagai urusan, suasana rumah yang tidak kondusif serta keadaan sekeliling.

6.0 KESIMPULAN

Artikel ini menunjukkan motivasi intrinsik dalam kalangan pelajar (SMQ) USIM memainkan peranan penting bagi memastikan isu dan cabaran dalam mengulang hafazan al-Quran dapat ditangani dengan bijak. Keikhlasan, kerelaan, kerinduan serta penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar dapat melahirkan al-hafiz dan al-hafizah yang istiqamah dalam memastikan kitab suci ini terpahat di dalam hati sanubari sehingga menghadap Rabbul Izati. Proses ulangan yang banyak berserta tadabbur ayat sucinya dapat menguatkan lagi hafazan al-Quran. Sebagai al-hafiz dan al-hafizah berdisiplin dengan al-Quran boleh memberikan impak yang besar di dalam mengulang hafazan al-Quran. Bimbingan guru dan ibubapa (guru pertama bagi anak-anak) juga di antara faktor penting yang memberi sumbangan dan semangat dalam kalangan pelajar untuk mengulang hafazan al-Quran.



RUJUKAN

- Abdul Hafiz Abdullah, & Norhanan Abdul Rahman. (2009). Kaedah Hafazan Al-Quran Sistem Turki: Kajian di Tahfiz Al-Quran Darul Tuba, Tangkak, Johor.
- Abdul Hafiz Haji Abdullah, & et.al. (2005). Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur Dan Terengganu. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Hafiz Haji Abdullah, Nursafazilah Binti Maksom. (2016). Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta'alim, Kg Tengah Kluang.
- Abdullah, A. H., Safar, A., Mustari, M. I., Muhammad, A., & Ismail, I. (2003). Keberkesanan kaedah hafazan di Pusat Tahfiz. Laporan Penyelidikan Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Al Hafiz, M. M., & Md Sawari, S. S. (2018). Managing standardize memorization strategy in tahfiz centres: A guideline for quality performance in Qur'anic memorization. *International Journal of Research*, 5(16).
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya b. Syarf. (1996). *al-Tibyan fi Adabi Hamlatil Quran*. Beirut: Dar Ibn Jazm. Al-Quran.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali, & Mohd Aderi Che Noh. (2014). Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. *Journal of Al-Quran And Tarbiyyah*. Vol 1(1).
- Brown, H. D. (2007). *Principles of Language Learning and Teaching*. (5th ed.). New York: Pearson Education.
- Coon, D. & Mitterer, J. O. (2010). *Introduction to psychology: Gateways to mind and behavior with concept maps*. Belmont, CA: Wadsworth
- Hashim, A., Jemali, M., Tamuri, Ab., A., & Che Noh, M. A. (2014). Hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2).
- Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad, Nor Kamariah Kamaruddin. (2020). Hubungan Antara Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400 Johor, Malaysia. <file:///C:/Users/User/Downloads/2020Othmanetal-inKajianKesdiMalaysiaSiri4.pdf>
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2009). Promoting self-determined school engagement: Motivation, learning, and well-being. *Handbook on motivation at school*, pp. 171-196.
- Saleh, M. H., Hussin, Z., Ismail, Z., Abd Ghani, Z., Yusoff, A. M., & Hussin, H. (2017). Developing an effective Quran memorization technique using Fuzzy Delphi method. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 7(1).
- Subhi al-Salih (1981), *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*, Beirut: Dar al-'Ulum li al-Malayin.
- Syaykh Muhammad al-Habasyi (1987) *Kayf Tahfaz al-Quran*, Beirut: Dar al-Khayr.
- Wiersma, W. 1991. *Research methods in education*. 5th ed. Boston: Allyn & Bacon.